

Dividen 4 peratus SSPN-i, SSPN-i Plus

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berharap dividen sebanyak empat peratus bagi dua skim simpanannya iaitu Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dan SSPN-i Plus bagi 2016 yang diumumkan hari ini dapat menarik minat orang ramai untuk menabung di dalam institusi berkenaan.

Pengerusinya, Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah berkata, pembayaran dividen itu melibatkan jumlah RM76.74 juta untuk kira-kira 2.7 juta pendeposit kedua-dua skim berkenaan.

Menurutnya, inisiatif PTPTN adalah mahu mengubah budaya masyarakat supaya lebih banyak menyimpan untuk pendidikan daripada membuat pinjaman.

"Kita mahu kurangkan beban rakyat yang meminjam dengan beralih kepada skim ditawarkan oleh PTPTN. Sasaran kami adalah untuk mengurangkan pemberian pinjaman.

"Kadar dividen yang kompetitif ini menjadikan SSPN-i

dan SSPN-i Plus lebih berdaya saing malah lebih tinggi berbanding pulangan simpanan bank. PTPTN akan berusaha meningkatkan dividen kepada pendeposit," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam majlis pengumuman dividen bagi dua skim simpanan itu untuk 2016 di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Eksekutif PTPTN, Wan Ahmad Wan Yusoff.

Shamsul Anuar menambah, penabungan SSPN-i dan SSPN-i Plus sepanjang tahun lalu adalah sebanyak RM544.49 juta berbanding RM498.61 juta pada 2015.

"Peningkatan itu menunjukkan kesedaran orang ramai untuk menabung bagi kegunaan pendidikan.



SHAMSUL ANUAR

"PTPTN menyasarkan kutipan deposit sebanyak RM550 juta dengan penambahan akaun baharu 350,000 bagi tahun ini," ujarnya.

Beliau menambah, sehingga 2016, pembukaan akaun SSPN-i adalah berjumlah 2.7 juta dengan deposit mencecah RM2.6 bilion, manakala SSPN-i

Plus yang baharu dilancarkan pada Jun 2015 mempunyai 52,615 akaun dengan jumlah deposit terkumpul RM15.8 juta.

Dalam perkembangan berkaitan, Wan Ahmad memberitahu, pelaburan PTPTN tertumpu terhadap produk-produk deposit tetap yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan.

"Pelaburan berbentuk deposit tetap lebih selamat dan kita masih belum meninjau potensi pelaburan dalam ekuiti saham yang lebih berisiko," katanya.